



NEWSLETTER

DOSM/ILMIA/2.2022/Siri 48

DIASPORA: KEPERLUAN PENGURUSAN DATA RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA

Disediakan oleh

Ratana Sarimin

Muji Hassim

Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

DIASPORA

Istilah 'diaspora' merujuk kepada sekumpulan besar individu yang mempunyai tanah air yang sama dan telah berpindah ke tempat-tempat lain di seluruh dunia. Manakala perkataan diaspora pula berasal daripada bahasa Yunani kuno yang bermaksud merebak atau menyebar. Pada mulanya, istilah diaspora digunakan oleh orang Yunani untuk penduduk kota diraja yang berhijrah ke wilayah-wilayah dengan tujuan penjajahan untuk mengasimilasikan wilayah ke dalam empayar atau kerajaan. Manakala dalam konteks kajian sains sosial, diaspora boleh ditakrifkan sebagai penduduk yang menetap di negara lain atas pelbagai faktor seperti penindasan politik, perang, wabak di negara asal atau mencari kehidupan yang lebih baik. Jika dahulu mereka disebut sebagai migran, maka istilah itu telah mula beralih dengan istilah diaspora.

Pengurusan data diaspora juga telah menjadi semakin penting kerana keupayaan sesebuah negara dalam mengenalpasti keberadaan diaspora secara lengkap terutama tahap kepakaran dan pengalaman adalah kritikal. Laporan International Organisation for Migration (IOM) 2012 menyatakan negara-negara di Asia telah menggunakan tiga mekanisme bagi menarik diaspora, iaitu dengan mewujudkan rangka kerja yang kondusif dengan penglibatan diaspora terutama berkaitan perundangan, menubuhkan institusi atau organisasi berkaitan diaspora sama ada di dalam negara atau luar negara dan menyelaraskan pelbagai program berkaitan diaspora sebagai pemangkin pembangunan.



Jadual 1, menunjukkan negara Asia yang mempunyai institusi atau kementerian berkaitan diaspora. Indikator yang digunakan untuk menguruskan data diaspora turut berbeza mengikut keperluan negara masing-masing.

Jadual 1: Negara Yang Mempunyai Institusi Berkaitan Diaspora Pada Tahun 2012.

Negara	Institusi	Stok Emigran 2010	% Stok Emigran kepada Jumlah Populasi 2010	Destinasi Utama
Bangladesh*	Ministry of Expatriates' Welfare and Oversea Employment (MEWOE)	5,380,200	3.3	India
China	1. State Council, Overseas Chinese Affairs Office (SCOCACO); 2. Overseas Chinese Affairs Committee; 3. The Overseas Chinese Affairs Office (SOCAO) of the Shanghai Municipal People's Government	8,343,600	0.6	United States of America
India*	1. Ministry of Overseas Indian Affairs (MOIA); 2. Govt of Kerala, Dept of Non-Resident Keralite's Affair (NORKA); and 3. Govt of Gujarat, Non-Resident Indian Division.	11,357,500	0.9	United Arab Emirates
Indonesia*	Ministry of Manpower and Transmigration	2,502,300	1.1	Malaysia
Pakistan*	Ministry of Overseas Pakistanis	4,677,000	2.5	India
Sri Lanka*	Ministry of Foreign Employment Promotions and Welfare	1,847,500	9.1	Saudi Arabia
Republic of Korea (South Korea)	Overseas Koreans Foundation	2,078,700	4.3	United States of America
Filipina	1. Offices of the President, Commission on Filipinos Overseas (CFO); 2. Committee On Overseas Workers Affairs; 3. Department of Labour, Overseas Workers Welfare Administration (OWWA) 4. Department of Labour, Philippines Overseas Employment Administration (POEA) 5. Department of Foreign Affairs, Office of the Undersecretary for Migrant Workers' Affair	4,275,200	4.6	United States of America

*negara yang mempunyai kementerian berkaitan diaspora

Sumber: Agunias dan Newland, 2012.

Namun begitu, terdapat juga negara yang mempunyai kekangan di dalam mengumpul maklumat diaspora atau negara yang sememangnya tidak menjelaki diaspora. Manakala Malaysia masih belum mempunyai organisasi khusus yang menguruskan data diaspora tetapi mempunyai perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) 2021 - 2025, untuk mewujudkan pangkalan data diaspora.

Justeru itu, maklumat data berkaitan diaspora hanya dapat diperoleh melalui kajian persendirian dan juga laporan daripada Organisasi Antarabangsa seperti *United Nations Department of Economics and Social Affairs* (UNDESA) dan *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) iaitu dua organisasi utama yang mengeluarkan data berkala berkaitan diaspora yang boleh digunakan sebagai proksi kepada data diaspora secara global ataupun khas kepada negara ahli mereka sahaja. Kedua-dua organisasi ini menggunakan sumber data daripada data banci dan penyiasatan isi rumah, rekod pentadbiran, data yang dikumpul di sempadan keluar masuk antarabangsa, daftar penduduk, permit kediaman, dan Survei Tenaga Buruh. Walaupun terdapat kekurangan maklumat berdasarkan kaedah-kaedah yang digunakan, tetapi dapatan data ini boleh dijadikan asas pergerakan diaspora sesebuah negara dan negara destinasi. Ringkasan kaedah pengumpulan data diaspora bagi kedua-dua organisasi adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Perbandingan Kaedah Pengumpulan Data Diaspora UNDESA dan OECD

PERKARA	UNDESA	OECD (DIOC 2015/16)
Sumber Data	Banci dan penyiasatan isi rumah , Rekod Pentadbiran & Data yang dikumpul di sempadan keluar masuk antarabangsa.	Daftar penduduk, Permit kediaman, Survei Tenaga Buruh & Banci Penduduk.
Data Variable	Umur, Jantina & Negara atau Tempat Asal.	Negara tempat tinggal, Negara Kelahiran, Pendidikan, Jantina, Umur, Kewarganegaraan, Tempoh Menginap , Status Tenaga Buruh, Pekerjaan, Tahap Kemahiran.
Liputan Data		Merangkumi maklumat berkaitan data demografi dan ciri pasaran buruh bagi penduduk mengikut negara kelahiran di semua negara OECD.
Rujukan	<u>Negara</u> – Standard Country Codes For Statistical Use (M49 Standard)	<u>Negara</u> – ISO 3166-1 The International Standard Classification of Education (ISCED 2011) <u>Status Tenaga Buruh</u> – mengikut garis panduan International Labour Organisation (ILO) <u>Pekerjaan</u> – International Standard Classification Of Occupations (ISCO-08)

Konsep Diaspora Asia

European Union Global Diaspora Facility (EUDIF) 2022 menyatakan bahawa konsep diaspora tidak digunakan secara konsisten di negara-negara Asia. Negara seperti Indonesia, Filipina, Pakistan, Myanmar dan China menggunakan terminologi komuniti luar negara (*overseas community*) seperti *overseas* Indonesia, *overseas* filipino, *overseas* China dan *overseas* Pakistan. Manakala India pula mentakrifkan diaspora mereka berdasarkan dua kategori iaitu *Non-Resident Indians* (NRI) yang merujuk kepada warga India yang memiliki pasport India tetapi tinggal atau bekerja di negara lain. Kategori kedua pula merujuk kepada warga India luar negara (*Overseas Citizen of India*) yang menawarkan status istimewa sepanjang hayat dan mempunyai hubungan berterusan dengan India walaupun setelah mengambil kewarganegaraan lain atau hilang taraf kewarganegaraan India mereka.



Laporan EUDIF 2022 juga menunjukkan bahawa Malaysia menggunakan konsep diaspora yang merujuk kepada penghijrah dari Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu dan dari industri tertentu yang diiktiraf oleh Kerajaan sahaja. Dua agensi Kerajaan yang terlibat di dalam tadbir urus diaspora di Malaysia adalah Talentcorp di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Justeru itu tidak semua rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara diiktiraf sebagai diaspora Malaysia.

Sewajarnya konteks diaspora di Malaysia perlu merujuk kepada terma yang lebih luas kerana faktor penghijrahan keluar dari Malaysia yang bermula beberapa dekad yang lalu disebabkan oleh beberapa faktor seperti pendidikan, ekonomi dan juga politik. Bermula pada tahun 1960-an, rekod telah menunjukkan berlakunya penghijrahan rakyat Malaysia ke negara maju seperti di negara-negara Eropah, Jepun dan Amerika untuk tujuan pendidikan dan kemahiran. Kumpulan ini dijangka akan kembali semula ke Malaysia dalam tempoh 4 hingga 7 tahun setelah tamat pengajian mereka dan mereka akan kembali sebagai golongan pakar dalam bidang mereka.

Namun begitu tidak semua daripada mereka kembali semula ke Malaysia. Mereka yang kekal di negara destinasi telah membentuk diaspora Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Malaysian Overseas*. Kelompok ini juga menjadi pelopor kepada pewujudan beberapa persatuan berpaksikan Malaysia seperti The British Malaysian Society, Norway Malaysian Association dan The United Kingdom and Eire Council for Malaysians Student (UKEC) yang mempunyai tujuan yang hampir sama iaitu menjadi pusat interaksi dan perkongsian maklumat bagi rakyat Malaysia yang menjadi ahli dalam persatuan tersebut.

Selain itu, terdapat juga sekelompok diaspora Malaysia yang bekerja dalam pelbagai kategori jawatan di Singapura. Dianggarkan pada tahun 2019, sekitar hampir 1 juta rakyat Malaysia berada di Singapura dan dari jumlah tersebut dianggarkan sekitar 400,000 orang rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura sebelum pandemik COVID-19 di mana hanya sekitar 90,000 orang sahaja yang masih bekerja dan berada di Singapura pada tahun 2020-2021. Sekiranya tafsiran diaspora Malaysia hanya berdasarkan kepakaran tertentu dalam bidang industri tertentu sahaja, kemungkinan sebilangan besar rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura tidak akan berada di dalam pangkalan data diaspora Malaysia.



Diaspora Malaysia

Laporan *International Migrant Stock 2020* oleh UNDESA merekodkan lebih daripada 1.8 juta rakyat Malaysia menetap di luar negara untuk pelbagai tujuan seperti belajar, bekerja dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, 81% rakyat Malaysia berada di lima (5) negara berpendapatan tinggi iaitu Singapura (60%), Australia (10%), United Kingdom (4%), Amerika Syarikat (4%) dan Brunei Darul Salam (3%). Manakala 10% diaspora Malaysia berada di negara berpendapatan sederhana rendah iaitu di Bangladesh. Jadual 3 dan 3a menunjukkan taburan diaspora Malaysia mengikut UNDESA bagi tahun 2010, 2015, 2019 dan 2020.

Jadual 3: Diaspora Malaysia Mengikut Negara Bagi Tahun 2010, 2015, 2019 dan 2020

Diaspora Malaysia	2010	2015	2019	2020
Global	1,598,510	1,795,763	1,689,222	1,860,037
Negara / Perubahan Kadar Diaspora	16%	12%	-6%	10%
1. Singapura	971,827 (60%)	1,123,654 (62%)	952,261 (56%)	1,132,924 (60%)
2. Bangladesh	204,878 (13%)	203,561 (11%)	206,244 (12%)	199,618 (10%)
3. Australia	129,880 (8%)	143,420 (8%)	174,136 (10%)	177,286 (10%)
4. United Kingdom	58,281 (4%)	74,532 (4%)	84,638 (5%)	78,736 (4%)
5. United State of America	62,621 (4%)	71,903 (4%)	77,647 (5%)	73,947 (4%)
6. Brunei Darul Salam	47,276 (3%)	48,286 (3%)	52,001 (3%)	52,628 (3%)
7. Kanada	22,365	23,644	25,337	25,618
8. New Zealand	15,575	16,991	17,464	21,317
9. China, Hong Kong SAR	14,957	15,273	19,787	15,939
10. India	12,905	12,433	12,228	13,601

Jadual 3a: Diaspora Rakyat Malaysia Berdasarkan Kategori Pendapatan Negara World Bank bagi tahun 2010, 2015, 2019 dan 2020.

Kategori Negara	2010	2015	2019	2020
Global	1,598,510	1,795,763	1,689,222	1 860 037
Negara Berpendapatan Tinggi	1,355,518	1,552,847	1,441,624	1,619 828
Negara Berpendapatan Sederhana	242,814	242,719	247,399	240,011
Negara Berpendapatan Sederhana Atas	17,982	20,226	21,451	20,761
Negara Berpendapatan Sederhana Rendah	224,832	222,493	225,948	219,250
Negara Berpendapatan Rendah	178	197	199	198



Laporan Data Migran OECD pada tahun 2015/2016 untuk Malaysia pula menunjukkan bahawa majoriti diaspora Malaysia bekerja sebagai pekerja mahir. Dua (2) pekerjaan utama bagi kategori ini adalah profesional dan profesional bersekutu. Bagi kategori separa mahir, data menunjukkan dua (2) pekerjaan utama iaitu sokongan perkeranian dan perkhidmatan dan jualan.

Jadual 4: Data Imigran Malaysia di Negara OECD Berdasarkan Tahap Kemahiran bagi tahun 2015/2016

Tahap Kemahiran	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Tidak Dinyatakan
Mahir	114,071 62%	61,451	52,496	124
Separa Mahir	64,834 35%	27,307	37,314	213
Berkemahiran Rendah	5,320 3%	3,487	1,833	0
Jumlah	184,225	92,245	91,643	337

Kepentingan Diaspora Kepada Pembangunan Negara

Diaspora mempunyai sumbangan kepada negara asal mereka dalam pelbagai bentuk. Terdapat tiga (3) bentuk sumbangan utama yang telah dikenalpasti iaitu remitan (kiriman wang) kepada negara asal, *brain gain* atau *brain bank* dan sebagai pemudahcara atau perantara di antara pelabur asing kepada negara asal. Laporan European Union Global Diaspora Facility (EUDIF) 2022 menunjukkan pada tahun 2019, India telah menerima remitan berjumlah USD83.1 bilion, diikuti China dengan jumlah USD68.4 bilion dan Filipina dengan jumlah 35.2 bilion. Ketiga-tiga negara ini mempunyai organisasi yang menguruskan diaspora masing-masing.

Manakala Malaysia pula mencatatkan jumlah remitan berjumlah USD 1.4 bilion sahaja. Kadar remitan dijangka tidak stabil dengan situasi perniagaan dan pekerjaan yang terganggu dan masih dalam proses pemulihan akibat pandemik COVID-19 bagi tahun 2020 hingga 2022. Jadual 5, menunjukkan perbandingan negara-negara Asia yang mempunyai struktur organisasi pengurusan diaspora dan kadar remitan pada tahun 2019 berdasarkan analisis EUDIF.

Jadual 5: Negara Asia dan Kadar Kiriman Remitan pada Tahun 2019 dalam USD Bilion

Negara	USD Bilion
Bangladesh*	21.7
China	59.5
India*	83.1
Indonesia*	9.6
Pakistan*	26.1
Sri Lanka*	7.1
Filipina	34.9

Kepentingan kedua diaspora adalah dari segi *brain gain* atau *brain bank*. Kedua-dua istilah ini kerap digunakan oleh negara asal bagi membolehkan kepakaran dan pengalaman diaspora di negara destinasi dipujuk untuk kembali semula ke negara asal. Negara kecil dan sedang membangun sukar untuk bersaing dengan negara maju bagi mendapatkan tenaga pakar bagi memenuhi keperluan pembangunan di dalam negara. Oleh yang demikian dengan memanfaatkan kepakaran dan pengalaman diaspora, negara akan mendapat manfaat tanpa perlu bersaing dengan negara-negara lain untuk mendapatkan kepakaran yang dikehendaki.


Selain itu diaspora juga dikenalpasti sebagai jambatan yang menghubungkan di antara pelabur asing dengan negara asal. Pengetahuan tentang negara asal dan potensi yang boleh dijana daripada kemasukan pelabur asing menjadikan diaspora subjek utama yang perlu digembangkan untuk faedah negara asal. Beberapa negara telah mula mewujudkan institusi berkaitan diaspora setelah mereka mula mengenalpasti faedah yang diperolehi daripada diaspora.

Keperluan pengurusan Data Diaspora bagi Malaysia

Dokumen RMKe-12 (Strategi A1: Memudah Cara Penyertaan Tenaga Buruh) menyatakan bahawa rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara merupakan sumber bakat yang boleh digunakan untuk menambah bekalan tenaga buruh negara. Walau bagaimanapun data yang tidak tepat serta tidak komprehensif telah mengekang usaha kerajaan untuk memanfaatkan bakat tersebut. Oleh yang demikian satu pangkalan data diaspora yang menyeluruh akan diwujudkan (RMKe-12 (2020 – 2025).


Sebelum mewujudkan pangkalan data diaspora tersebut, terdapat perkara yang harus diperhalusi bagi memudahkan pelaksanaan pengumpulan data diaspora yang komprehensif. Perkara utama yang perlu dikenalpasti adalah definisi diaspora yang akan digunakan oleh Malaysia. Adakah Malaysia masih mahu mengekalkan definisi diaspora berdasarkan tahap kemahiran dalam industri tertentu sahaja sebagaimana yang digunakan oleh dua agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dengan diaspora iaitu TalentCorp dan MOSTI? Kedua-dua agensi ini menetapkan syarat-syarat khas bagi diaspora Malaysia yang boleh kembali ke Malaysia untuk menyumbang kepada pembangunan negara berdasarkan dua program iaitu, Program Brain Gain 2006 di bawah MOSTI dan Return of Expert dibawah Talentcorp. Syarat-syarat yang ditetapkan akan berubah mengikut keperluan semasa. Tidak semua permohonan yang diterima oleh kedua-dua program ini akan diterima secara automatik. Terdapat beberapa kes yang dilaporkan menunjukkan permohonan ditolak kerana mempunyai kepakaran lain selain yang telah ditetapkan oleh kerajaan (Koh, Sin Yee 2015).

Keperluan diaspora yang telah ditetapkan di bawah RMKe-12 adalah sebagai menambah bekalan tenaga buruh negara. Selain tenaga buruh berkemahiran tinggi, Malaysia masih bergantung kepada tenaga buruh berkemahiran rendah. Laporan kajian Impak Sosio-Ekonomi Daripada Penggajian Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Dan Program Latihan Industri Antarabangsa Di Malaysia (ILMIA, 2019) menunjukkan bahawa Malaysia masih lagi memerlukan pekerja asing berkemahiran rendah. Selangor dan Johor menunjukkan bilangan pekerja asing berkemahiran rendah yang paling ramai iaitu seramai 881,750 orang pada kadar 47.2 %. Dapatkan kajian ini juga mengesahkan terdapatnya keperluan mendesak untuk mendapatkan pekerja berkemahiran rendah bagi memenuhi keperluan industri-industri di kedua-dua negeri ini. Dapatkan ini juga selaras dengan dapatkan kajian Rakyat Malaysia Bekerja di Singapura 2016 dan 2018 yang menunjukkan majoriti rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura adalah dari Negeri Johor. Rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura turut bekerja di dalam pelbagai kategori pekerjaan di Singapura.



RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025
MALAYSIA MAKJUR, INKLUSIF, MAMPAH



TWELFTH MALAYSIA PLAN

2021-2025
A PROSPEROUS, INCLUSIVE, SUSTAINABLE MALAYSIA

Sekiranya Malaysia menetapkan definisi diaspora secara umum tanpa memberikan sekatan-sekatan berdasarkan jenis kemahiran dan industri, data diaspora Malaysia akan kaya dengan pelbagai tahap kemahiran dan jenis kemahiran yang boleh dimanfaatkan secara menyeluruh. Sebaliknya pula, jika Malaysia masih mengekalkan definisi diaspora berdasarkan keperluan dua (2) agensi kerajaan yang tersebut di atas Malaysia akan mewujudkan tiga (3) kelas diaspora iaitu diaspora yang terpilih iaitu diaspora yang akan mendapat manfaat daripada program yang diwujudkan oleh kerajaan, diaspora yang dianaktirikan iaitu diaspora yang ingin kembali ke Malaysia tetapi tidak akan mendapat sebarang faedah daripada kerajaan kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dan diaspora senyap iaitu kelompok diaspora yang cuba untuk mengecualikan diri mereka dengan negara asal (Koh, Sin Yee 2015). Situasi ini tidak akan membantu Malaysia untuk mewujudkan pangkalan data diaspora yang komprehensif sebaliknya mewujudkan suasana yang kurang harmoni di antara diaspora dan Malaysia.

Apabila definisi yang jelas telah diterimakai, perkara yang kedua adalah dengan meneliti data-data pentadbiran berkaitan diaspora yang sedia ada. Dengan mengenalpasti jenis data yang tersedia, ia akan memudahkan langkah seterusnya iaitu mengenalpasti keberadaaan diaspora Malaysia. Sehingga sekarang Malaysia perlu menggunakan proksi data dari UNDESA untuk mengenalpasti negara destinasi utama diaspora Malaysia.

Malaysia juga mempunyai data pentadbiran bagi bukan warganegara yang masuk bekerja sama ada sebagai pegawai dagang atau pekerja asing berkemahiran rendah. Sekiranya data diaspora Malaysia dan data bukan warganegara di Malaysia yang memasuki pasaran buruh negara disatukan, maklumat penting seperti trend permintaan industri tempatan dan antarabangsa dan trend penawaran (pendidikan dan latihan) akan dapat membantu Malaysia di dalam penggubalan dasar sumber manusia negara yang lebih dinamik dan proaktif serta dapat membantu kementerian lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi dalam merangka pelan strategik berkaitan bidang pengajian yang berpotensi untuk meningkatkan *return on investment* (ROI) dalam pendidikan. Ia juga akan membantu Kerajaan menilai keperluan tenaga kerja bukan warganegara dengan lebih baik, sama ada kategori pegawai dagang atau pekerja asing berkemahiran rendah.



Portal Myworkabroad PERKESO


Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sedang menjalankan satu kajian berkaitan perlindungan keselamatan sosial rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dengan memberi fokus utama kepada Singapura. Kajian ini telah dimulakan pada November 2021 dan dijangka akan siap pada Disember 2022 dengan memberi penekanan kepada keperluan perlindungan keselamatan sosial untuk rakyat Malaysia yang berada di luar negara sama ada untuk bekerja ataupun tujuan lain.

Dapatan kajian ini dijangka akan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas kepada Kerajaan mengenai aspek-aspek keperluan perlindungan keselamatan sosial rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara khususnya Singapura buat masa ini. Ini akan membolehkan Kerajaan merancang pewujudan skim perlindungan keselamatan sosial untuk mereka yang bekerja di luar negara atau menambahbaik skim perlindungan keselamatan sosial sedia ada bagi memenuhi keperluan mereka.

PERKESO telah mewujudkan portal khas bagi kajian ini iaitu <https://myworkabroad.perkeso.gov.my>. Untuk fasa pertama portal ini dikhaskan untuk rakyat Malaysia yang berada di Singapura, manakala untuk fasa kedua, portal ini dicadangkan untuk dibuka kepada semua warga Malaysia yang berada di luar negara. Ini bagi membolehkan PERKESO mewujudkan atau menambahbaik skim perlindungan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh dan bukan hanya isu yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura sahaja tetapi kepada semua rakyat Malaysia yang berada di luar negara dengan pelbagai tujuan lain. Secara tidak langsung portal ini merupakan portal rintis bagi pengumpulan data diaspora Malaysia dengan menggunakan keperluan keselamatan sosial sebagai pemangkin pengumpulan data. Data yang dikumpulkan di dalam portal ini dijangka akan dijadikan sebagai data pentadbiran yang aktif dengan mengambilkira fungsi mengenalpasti lokaliti responden. Situasi ini menjadikan portal ini sebagai proksi terbaik pangkalan data diaspora yang komprehensif di Malaysia. Kerjasama dan penyelarasan pelbagai agensi di Malaysia diperlukan bagi menyebarluaskan lagi portal ini kepada kumpulan diaspora.



Faedah yang akan diterima oleh Malaysia apabila dapat menyatukan data pentadbiran bagi bukan warganegara yang memasuki pasaran buruh Malaysia dan warga Malaysia yang menjadi diaspora di negara lain boleh diringkaskan sebagaimana Carta 1 iaitu Kitaran Diaspora Pekerjaan Malaysia.



Berdasarkan Carta 1, portal *myworkabroad.perkeso.gov.my* merupakan pelengkap kepada kitaran diaspora pekerjaan di Malaysia. Maklumat berkaitan industri yang memerlukan pekerja, kategori pekerjaan yang diperlukan oleh industri, kadar gaji yang ditawarkan dan keperluan dari segi tahap pendidikan dan kepakaran sangat berguna untuk pembuatan dasar pekerjaan negara. Selain itu maklumat yang akan dikumpul oleh portal *myworkabroad* akan menjadi pelengkap kerana umum akan mengetahui siapa yang akan keluar dari pasaran buruh tempatan, apakah pekerjaan yang mereka lakukan di negara destinasi, apakah tahap pendidikan dan jenis kepakaran yang dimiliki oleh mereka.

Analisis lanjut dan secara berkala akan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang jenis kursus, tahap pendidikan dan latihan yang diperlukan di dalam Malaysia dan juga permintaan negara destinasi terhadap gunatenaga Malaysia. Kesinambungan maklumat ini amat penting kepada beberapa agensi utama Malaysia seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain kementerian yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung di dalam pengurusan pasaran buruh negara.

Rumusan

Untuk pembangunan individu sebagai tenaga kerja aktiviti hijrah akan berlaku sama ada migrasi dari luar bandar ke bandar atau sebaliknya. Selain itu terdapat juga migrasi ke negara destinasi yang menawarkan pelbagai peluang kepada individu. Permulaan migrasi dari timur ke barat terutama ke Eropah, Amerika Syarikat dan Australia bermula pada awal 1960an dan masih lagi menunjukkan trend yang stabil. Selain itu migrasi ke negara di Asia seperti ke Singapura, Malaysia, Jepun, Taiwan dan Korea Selatan turut menunjukkan trend yang menaik. Justeru itu diaspora tidak boleh dianggap sebagai perkara negatif yang berlaku kepada negara.

Konsep kehilangan tenaga pakar dan sumber manusia (*brain drain*) perlu diubah dengan menjadikan mereka sebagai *brain bank* yang akan memberi faedah kepada negara apabila mereka kembali ke Malaysia sebagai tenaga pakar atau tenaga pengajar. Namun begitu bagi memudahkan untuk Malaysia menggunakan diaspora sebagai sumber tambahan kepada sumber tenaga manusia, pengurusan maklumat diaspora perlu lebih efektif dan interaktif. Justeru itu, di dalam tempoh RMKe-12 (2021-2025), Malaysia telah merencana untuk mewujudkan pangkalan data diaspora bagi membantu pasaran buruh negara.

Bagi mewujudkan pangkalan data diaspora yang lengkap, Malaysia perlu mengenalpasti objektif utama pewujudan pangkalan data diaspora tersebut. Dalam ertikata lain, definisi atau skop diaspora yang diiktiraf sebagai tambahan kepada gunatenaga Malaysia. Adakah hanya diaspora yang mempunyai kepakaran tertentu dalam industri tertentu sahaja yang akan diiktiraf sebagai tambahan gunatenaga Malaysia? Analisis keperluan gunatenaga Malaysia masih menunjukkan keperluan industri untuk menggajikan pekerja asing berkemahiran rendah selain daripada pekerja mahir. Selain itu, mengenalpasti terma diaspora juga penting bagi mengelakkan berlakunya kategori diaspora yang tersisih. Portal *Myworkabroad* merupakan portal yang baru disediakan oleh PERKESO bagi mendapatkan maklumat berkaitan keperluan perlindungan keselamatan sosial rakyat Malaysia yang berada di luar negara boleh dijadikan sebagai asas kepada pengumpulan data diaspora Malaysia. Portal ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berada di luar negara yang ingin mencarum secara sukarela kepada skim di bawah PERKESO.

Bibliografi

- Agunias D.R and Newland K (2012) Engaging the Asian Diaspora. Bangkok and Washington D.C Issue No.7, International Organization for Migration and Migration Policy Institute.
- European Union Global Diaspora Facility (2022) Diaspora Engagement
- ILMIA (2016) Kajian Rakyat Malaysia Bekerja di Singapura Tahun 2016
- ILMIA (2018) Kajian Rakyat Malaysia Bekerja di Singapura Tahun 2018
- ILMIA (2018) National Labour Cost Survey
- ILMIA (2019) National Employment Returns
- ILMIA (2020) Kajian Impak Sosio-ekonomi Daripada Penggajian Pekerja Asing Berkemahiran Rendah dan Program Latihan Industri Antarabangsa Di Malaysia
- Koh Sin Yee (2015) State-led Talent Return Migration Programme and the Doubly Neglected 'Malaysian Diaspora': Whose Diaspora, What Citizenship. Whose Development?. Singapore Journal of Tropical Geography.
- Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) Bab 10: Membangunkan Bakat Masa Hadapan
- https://www.perkeso.gov.my/images/kenyataan_media/2022/110122/KAJIAN_PELINDUNGAN_KESELAMATAN_SOSIAL.pdf
- <https://myworkabroad.perkeso.gov.my>
- https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/1_General%20News/2021/7%20Julai/15%20Julai-%20General%205.pdf Nearly 1mil Malaysians residing in Singapore in 2019: Emigration rate excluded from Malaysian's population data.
- <https://www.un.org/development/desa/pd/content/international-migrant-stock>
- <https://www.oecd.org/els/mig/World-Migration-in-Figures.pdf>
- <https://www.oecd.org/migration/mig/Migration-data-brief-4-EN.pdf>
- https://www.kln.gov.my/web/nzl_wellington/news-from-mission/-/blogs/brain-gain-malaysia-programme What is Brain Gain Malaysia Programme?
- <https://www.mastersportal.com/universities/9949/ministry-of-science-technology-and-innovation-brain-gain-malaysia.html> MOSTI Brain Gain Malaysia
- <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2021/09/730672/paradigm-shift-might-help-reverse-brain-drain> Paradigm Shift Might Help Reverse Brain Drain
- <https://rep.talentcorp.com.my/>
- <https://www.talentcorp.com.my/initiatives/returning-expert-programme>

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/05/09/fewer-malaysians-abroad-taking-up-offer-to-return-home/>

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2014/06/22/malaysias-returning-expert-programme-driving-out-more-talent-economist-says/691899>

https://diasporafordevelopment.eu/wp-content/uploads/2020/04/CF_Malaysia-v.1.pdf

<https://www.migrationdataportal.org/themes/international-migrant-stocks>

<https://www.migrationpolicy.org/programs/data-hub/charts/international-migrants-country-destination-1960-2020>

https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/@dgreports/@dcomm/@publ/documents/publication/wcms_808935.pdf

<https://www.sesric.org/imgs/news/1940-Malaysian-Diaspora.pdf>

<https://cs.stanford.edu/people/eroberts/cs181/projects/2010-11/BrainDrain/Malaysia.html>

<https://www.businesstoday.com.my/2021/10/11/analysing-malaysias-brain-drain-pandemic/>

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/brain-drain-and-reversing-trend-321357>

<https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2021/09/27/transform-brain-drain-into-wisdom-gain>

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/11/30/overhaul-policies-to-retain-investors-stop-brain-drain-urges-mp/>

https://www.theglobaleconomy.com/Malaysia/human_flight_brain_drain_index/

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/01/11/structural-reforms-needed-to-prevent-brain-drain-in-malaysia/1939252>

<https://www.jobstreet.com.my/career-resources/plan-your-career/exploring-solutions-solve-malaysias-brain-drain-challenge/>

<https://www.uketconline.com/malaysia-brain-drain/>

<https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2020/07/612892/understand-brain-drain-stop-it>

PENAFIAN: Artikel ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan artikel ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

